

06 MAY 2002

MAHATHIR-PBEC/I

MAHATHIR: PERLU BEBAS DARI SEBARANG SISTEM UNTUK TERUS BERKEMBANG

KUALA LUMPUR, 6 Mei (Bernama) -- Kerajaan dan masyarakat perniagaan seharusnya tidak terikat pada mana-mana sistem atau ideologi untuk terus berkembang dalam senario dunia yang begitu mencabar sekarang, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Dalam usaha kita untuk berkembang di dalam dunia yang mencabar hari ini, kita seharusnya bebas dari sebarang sistem dan ideologi yang boleh membuat kita terikat dan tidak mampu melakukan sesuatu dengan betul."

"Kerajaan dan masyarakat perniagaan mesti bebas untuk melakukan yang terbaik untuk mencapai apa yang diinginkan," kata Dr Mahathir dalam ucaptamanya pada Mesyuarat Agung Antarabangsa ke-35 Majlis Ekonomi Lembangan Pasifik (PBEC) di sini.

Mereka sepatutnya bersedia untuk mengambil satu ataupun lebih langkah ke belakang dalam usaha untuk terus maju.

"Jika kita salah membuat perubahan (dan) jika kita hilang haluan, maka kita tidak perlu takut untuk mengaku yang kita telah hilang arah dan bersedia untuk melakukan dari mula," tambah beliau.

Sambil menasihati agar tidak mengikut secara membuta tuli dan terpengaruh dengan laporan-laporan sensasi, Dr Mahathir berkata kerajaan dan masyarakat perniagaan sepatutnya mempunyai lebih keyakinan terhadap keputusan mereka sendiri.

Beliau berkata terdapat banyak cara untuk berurusan dengan kerajaan yang menghadapi kegagalan dan begitu juga dengan ahli-ahli perniagaan dan perniagaan yang gagal.

"Sistem-sistem ini tidak akan dapat menyelamatkan mereka tetapi dengan memahami realiti hidup dan mencari cara-cara untuk berurusan dengan realiti-realiti ini tanpa dipaksa oleh fikiran ortodoks, ia akan membantu dan adalah selamat," kata beliau.

Dr Mahathir, yang juga merupakan Menteri Kewangan berkata ketika berhadapan dengan krisis kewangan Asia, Malaysia menolak kaedah ortodoks dan mencari penyelesaiannya sendiri untuk menangani masalah itu.

"Hari ini, hanya mereka yang buta sahaja yang enggan mengakui kita telah pulih lebih baik dan lebih cepat berbanding mereka yang mengguna pakai kaedah yang disarankan."

Dr Mahathir berkata rahsia kejayaan Malaysia ialah pada keupayaannya melihat melangkaui langkah-langkah, mekanisme, sistem, amalan dan peraturan yang sedia ada serta mengguna pakai kaedah luar dari amalan biasa.

Malaysia, kata beliau, telah kerap menggunakan kaedah di luar kebiasaan sejak merdeka lagi seperti menarik pelaburan asing apabila mencapai kemerdekaan, padahal negara-negara baru merdeka yang lain sibuk memiliknegerakan pegangan-pegangan asing.

Sambil menegaskan yang Malaysia bukan anti-globalisasi, Dr Mahathir mengakui yang pelaburan asing dan perdagangan bebas memberi sumbangan besar kepada pertumbuhan negara.

Bagaimanapun, Malaysia bimbang dengan perkongsian saksama faedah yang diperolehi hasil daripada globalisasi dan tidak mahu proses ini ditentukan atau pergerakannya dipaksa oleh mana-mana kumpulan dalam "perkampungan sejagat kita".

"Syarat-syarat perdagangan dunia sepatutnya dikuatkan lagi dengan tujuan menyediakan sistem perdagangan pelbagai hala yang boleh diramalkan, lebih adil dan lebih stabil," kata beliau.

Bagaimanapun, peraturan-peraturan ini tidak sepatutnya menghakis daya

saing negara-negara yang meningkat maju seperti Malaysia ataupun negara-negara lain, tambah beliau.

Perdana menteri turut melahirkan kekesalan yang globalisasi telah menunjukkan tanda-tanda menjadi satu kepercayaan yang tidak bertolak ansur dengan bidaah.

"Ini agak tidak bernasib baik bagi globalisasi. Jika (globalisasi) betul-betul diinterpretasi dan dikawal dengan teratur, ia boleh memberi kemewahan dan faedah besar kepada dunia, kepada yang kaya dan juga miskin."

Dr Mahathir berkata apa yang penting sekali ialah memberi tumpuan kepada hasil yang dicapai dan bukannya kepada dogma (sistem kepercayaan yang dianggap benar dan diterima tanpa sebarang pertikaian).

"Jika hasilnya baik, kita laksanakan, tetapi jika hasilnya tidak elok untuk sesiapa sahaja, maka globalisasi mesti diteliti semula, diinterpretasi semula dan disesuaikan sehingga hasil yang dikehendakki dicapai. Apa yang penting ialah hasilnya dan bukan caranya," tambah beliau.

-- BERNAMA

MAD MKO/MR AA